

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

Dalam bab ini, penulis membahaskan tentang penelitian yang terkait dan pendekatan konsep yang digunakan dalam melakukan penelitian kajian ini.

2.1 Pengenalan

Mengkaji literatur yang berkaitan adalah penting untuk membentuk hujah yang padu dan koheren dalam mencari jurang teori, dasar dan metodologi yang dikaji. Kajian Literatur bagi menerangkan perkataan al-Quran, menafsirkan maknanya ke dalam bahasa Arab dan bahasa lain telah banyak dibuat, walau bagaimanapun literatur mengenai Analisis Model Baharu Leksikologi Semantik “LEXICOLSEM” dalam surah al-Hajj (الحج) berdasarkan gabungan Leksikologi Semantik Arab dan hubungan semantik antara perkataan, yang sinonim, antonim, hiperim, hiponim, holonim dan meronim, untuk mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج) dengan tepat masih belum ditemui.

Ini bermakna kajian ini merupakan satu kajian baharu yang menggunakan model fleksible yang mana model boleh digambarkan sebagai sejauh mana tingkah laku model dipengaruhi oleh ciri-ciri data, yang dapat mewakili konsep surah al-Hajj diperlukan agar orang ramai dapat memahami kandungan surah al-Hajj (الحج) dengan lebih baik.

Namun begitu, beberapa kajian telah dibuat dalam bidang yang hampir sama mengenai penerangan surah al-Hajj (الحج), pentafsiran maknanya ke dalam bahasa Arab

dan bahasa-bahasa lain dengan menggunakan beberapa pendekatan seperti LSA, ontologi, analisis teks dan beberapa kaedah lagi. Literatur yang ada hanya menumpukan pada hubungan yang sangat terbatas antara perkataan yang tidak dapat mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج) yang mendalam tanpa mempertimbangkan pentingnya Leksikologi Semantik Arab. Kesimpulan akan dibuat untuk meringkaskan setiap topik pada akhir perbincangan.

2.2 Pemahaman al-Quran

Al-Quran adalah kalam dan wahyu Allah, kitab suci bagi umat Islam yang tidak ada keraguan di dalamnya. Kitab terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibrail ini merupakan sumber utama ajaran Islam dan pedoman hidup bagi semua Muslim.

Al-Quran merupakan mukjizat Nabi Muhammad SAW yang diturunkan dengan menggunakan bahasa Arab samada lafaznya mahupun uslubnya seperti yang tertulis dalam surah Az-Zukhruf, ayat 3 (إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ) yang bermaksud “sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai al-Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya”. Bahasa Arab yang kaya dengan kosa kata dan makna semantiknyanya. Adapun al-Quran ini diturunkan dalam bahasa Arab, namun tidak semua orang Arab atau orang yang mahir berbahasa Arab dapat memahami kandungan dan makna dalam al-Quran dengan terperinci.

Dalam memahami makna setiap ayat al-Quran, kebanyakan penyelidik sebelum ini cuba menyelesaikan masalah ini dengan menggunakan pendekatan ontologi (ontology approach) dan LSA, namun ianya memerlukan beberapa pertimbangan

sebelum dapat dilaksanakan pada bahasa Arab, terutamanya dalam al-Quran, yang mewakili bahasa Arab klasik.

Tatabahasa Arab merupakan salah satu unsur yang menjadikan salah satu mukjizat dalam al-Quran dan tidak ada makhluk yang dapat menyusun seperti tatabahasa yang digunakan dalam al-Quran. Ini jelas dinyatakan seperti firman Allah SWT dalam surah Hud, ayat 13:

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأَنزِلْ عَشْرَ سُوْرٍ مِّثْلِهِ مَفْرِيْنًا وَاذْعُوْا مَنِ اسْتَعْظَمَ مِنْ دُوْنِ اللّٰهِ اِنْ كُنْتُمْ صٰدِقِيْنَ

(Al-Quran. Hud 11:13)

“Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: "Ya (Muhammad) yang mereka-reka al-Quran itu! " katakanlah (wahai Muhammad): "(Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar”

Kandungan ajaran dalam al-Quran pada hakikatnya mengandungi lima prinsip (tematik), bertujuan bagi memudahkan pemahaman kandungan al-Quran dalam bahasa Arab berkait dengan prinsip-prinsip yang ada. Apabila seseorang mempelajari al-Quran tanpa mengetahui prinsip utama dalam al-Quran, ia akan menyukarkan untuk memahami al-Quran dengan cepat dan tepat. Tujuan utama al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. adalah untuk menyampaikan kepada umat manusia lima prinsip yang terdapat dalam al-Quran iaitu Tauhid, Ibadah, Ganjaran dan Balasan Allah S.W.T., jalan dan cara mencapai kebahagiaan dan kisah-

kisah umat manusia sebelum Nabi Muhammad S.A.W. sebagai iktibar kepada umat manusia di akhir zaman (Quraish Shihab, 1996).

2.3 Tinjauan Umum Surah Al-Hajj (الحج)

2.3.1 Ringkasan Kandungan Surah

Setiap surah dalam al-Quran mempunyai hubungan dengan yang lain kerana setiap Surah dalam al-Quran diturunkan secara berkala. Justeru itu, adalah penting untuk menganalisis jenis hubungan leksikal-semantik dan prinsip makna berkaitan surah al-Hajj dalam al-Quran untuk memahami makna dengan lebih mudah.

Surah al-Hajj (الحج) adalah salah satu surah dalam al-Quran dan subjek analisis dalam kajian ini. Penulis memilih surah al-Hajj (الحج) kerana surah ini merupakan surah panjang yang cukup lengkap dalam al-Quran. Surah yang mengandungi ciri-ciri surah Madani ini diturunkan semasa di peringkat pertama kehidupan Baginda Rasulullah SAW di Madinah.

Surah ini mengupas mengenai ibadah haji, peperangan, hari kiamat dan merupakan surah yang ke-22 dalam al-Quran serta mengandungi 78 ayat di dalamnya. Surah al-Hajj (الحج) dinamakan al-Hajj kerana di dalamnya terdapat ayat yang mengisahkan kewajiban ibadah haji bagi manusia melalui lisan Nabi Ibrahim A.S sebagaimana yang dipetik dalam ayat 27:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَكَ مِنْ كُلِّ فَيْحٍ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

(Al-Quran. Al-Hajj 22:27)

“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadah Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang

berjenis-jenis unta yang kurus yang datanginya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.”

setelah Baitul Atiiq dibangun, maka Nabi Ibrahim A.S menyeru sehingga suara seruannya didengari ke seluruh penjuru bumi termasuk sperma yang ada dalam janin rahim. Lalu kesemuanya menjawab seruan itu dengan perkataan “لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ” (Arzuhaili Tafsir Lmunir, 2013).

Selain itu, antara isi kandungan yang utama di dalam surah ini ialah berkaitan dengan perintah bertakwa kepada Allah SWT. Dipetik dalam ayat 1 hingga 4, Allah berfirman “*Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhan-Mu; sungguh, goncangan (hari) Kiamat itu adalah suatu (kejadian) yang sangat besar. (Ingatlah) pada hari ketika kamu melihatnya (goncangan itu), semua Perempuan yang menyusui anaknya akan lalai terhadap anak yang disusui, dan setiap perempuan yang hamil akan keguguran kandungannya, dan kamu melihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal sebenarnya mereka tidak mabuk, tetapi azab Allah itu sangat keras. Dan di antara manusia ada yang berbantahan tentang Allah tanpa ilmu dan hanya mengikuti para syaitan yang sangat jahat, (tentang syaitan), telah ditetapkan bahawa siapa yang berkawan dengan dia, maka dia akan menyesatkannya, dan membawanya ke azab neraka.*”

Jelas sekali maksud ayat di atas memberi gambaran betapa ngeri dan dahsyatnya kejadian hari Kiamat, maka diperintahkan agar manusia bertakwa kepada Allah SWT agar manusia memahami dan mengetahui bahawa dengan bertakwa dan beriman kepada Allah SWT akan selamat dari azab api neraka.

Seterusnya, pemilihan surah al-Hajj (الحج) dibuat berdasarkan kesinambungan kepada kajian-kajian yang dibuat sebelum ini oleh penyelidik Asma Abdul Rahman.

Kajian-kajian ini merupakan Analisis Model Tahap 1 dan 2 untuk mengekstrak konsep al-Quran. Kajian Tahap 1 itu merupakan model pertama dari 18 model yang akan dibangunkan. Model tahap 1 yang disebut sebagai RACE 1 telah dibangunkan pada tahun 2012 dan seterusnya disambung ke tahap 2 iaitu pembinaan Model tahap 2 yang disebut sebagai RACE 2 bersama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada tahun 2015.

2.3.2 Asbab al-Nuzul Surah Al-Hajj (الحج)

يَأْتِيهَا النَّاسُ آتِفُورًا رَبِّكُمْ إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَقٌّ عَظِيمٌ ﴿١﴾ يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّا

أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمَلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى النَّاسَ سُكَرَىٰ وَمَا هُمْ بِسُكَرَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ ﴿٢﴾

(Al-Quran. Al-Hajj 22:1-2)

Asbab turunnya ayat 1 dan 2 dalam surah al-Hajj (الحج) di atas, ada diriwayatkan bahawa dua ayat ini diturunkan pada waktu malam hari semasa kejadian Perang Bani Mushthalaq. Lalu Baginda Rasulullah SAW telah membacakan dua ayat tersebut dari surah al-Hajj (الحج) ini kepada orang-orang sehingga tangisan mereka sangat luar biasa melebihi malam itu. Kesemuanya duduk termenung dengan raut wajah yang sedih dan menangis (az-Zuhaili, 2013).

2.3.3 Hubungan Surah al-Hajj dalam Perspektif Sains

Dalam era moden ini, banyak data yang ilmiah yang membantu kita untuk memahami ayat-ayat dalam al-Quran, namun banyak juga terjemahan yang tidak ada latar belakang yang berilmiah sehingga ilmuwan di Barat tidak menerima terjemahan itu (Bucalle, 1995).

Berkaitan dengan ilmu sains, penulis memilih salah satu ayat daripada surah al-Hajj yang ada hubungan dengan sains. Ayat tersebut boleh dilihat dalam ayat 65 seperti berikut:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ وَالْفُلُكَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَيُمْسِكُ السَّمَاءَ أَنْ تَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِ إِنَّ

اللَّهُ بِالنَّاسِ لَرءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿٦٥﴾

(Al-Quran. Al-Hajj 22:65)

Yang bermaksud “*Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu, dan (demikian juga) kapal-kapal yang belayar di laut dengan perintahNya? Dan Ia pula menahan langit daripada runtuh menimpa bumi, kecuali dengan izinNya; sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihannya dan rahmatNya kepada umat manusia.*”

Ayat 65 dalam surah al-Hajj ini diturunkan yang menerangkan bahawa Allah SWT menundukkan dan memudahkan bagi manusia segala yang terkandung di dalam bumi dan segala yang ada dipermukaannya, sehingga ia dapat dimanfaatkan untuk kepentingan hidup dan kehidupan manusia.

Dari perspektif sains pula, dalam al-Quran terdapat beberapa ayat yang berkaitan dengan tarikan graviti, seperti dalam surah ar-Ra’du ayat 2, surah ar-Rum ayat 25, surah Luqman ayat 10, surah Fathir ayat 41, dan surah al-Hajj ayat 65, Allah memberikan pandangan tentang daya graviti iaitu matahari, bulan dan planet-planet lain beredar mengikut peredarannya akibat daripada daya tarikan graviti yang mengawal (Mukhotob Hamzah, Badriyatul Muniroh).

2.3.4 Kesenambungan Kajian Model Tahap 1 dan 2

Kajian model tahap 1 dan 2 ini telah mengkaji tahap keberkesanan bahasa Arab di kalangan pelajar khususnya pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Hasil kajian mendapati masalah utama yang dihadapi dalam kalangan pelajar adalah masalah pertuturan kerana bahasa Arab bukan bahasa yang sering digunakan dalam pertuturan harian. Menurut Noor Anida yang menjalankan kajian di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), kebanyakan pelajar bukan penutur jati menghadapi kesukaran untuk bertutur dalam bahasa Arab. Keadaan yang sama juga berlaku di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menunjukkan masalah dalam kemahiran bertutur telah menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk menguasai tugas yang melibatkan aktiviti pertuturan, sebagaimana yang dilaporkan Nadwah (Rahman, Kesukaran- kesukaran Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar IPT, 2003-2017).

Permasalahan berkaitan kelemahan bertutur dalam bahasa Arab dikalangan penutur bukan penutur asli dan telah berlarutan dalam jangka masa yang lama. Sejak dahulu sehingga sekarang, masalah ini terus dibincangkan dan para akademik masih berusaha untuk meningkatkan kemahiran ini. Asma Abdul Rahman yang mengkaji pencapaian pelajar dari USIM dalam komunikasi bahasa Arab dari tahun 2003 sehingga tahun 2017, dan mendapati salah satu faktor kelemahan penguasaan bahasa Arab ialah kerana kurang praktis di universiti, samada di dalam atau di luar kelas. Perkara ini disokong oleh kajian Sueraya tahun 2011 dan Zati Azmina pada tahun 2014.

Perkara ini berbeza dengan Universitas Darussalam, Gontor di Indonesia yang menawarkan bahasa Arab kepada para pelajarnya sehingga bukan sahaja mampu

melahirkan penutur bukan bahasa jati, tetapi boleh bertutur dengan baik dalam bahasa Arab ketika berkomunikasi sesama mereka. Lebih mengejutkan, baru-baru ini telah tular di media sosial sebuah universiti di Korea Selatan, iaitu Universiti Hankuk telah dapat melahirkan pelajar Korea yang boleh berbahasa Arab dalam pengajian bahasa asing.

Kajian tersebut dibuat dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Bagi kajian ini, seramai 350 orang responden telah diambil sebagai sampel kajian di kalangan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkan pengajian bahasa Arab di peringkat Ijazah Sarjana Muda termasuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Dalam teori kaedah penyelidikan, jumlah yang lebih banyak adalah lebih baik dan lebih bertambah keyakinan terhadap dapatan hasil kajian serta dapat mengurangkan ralat persampelan.

Dari segi taburan responden mengikut IPT adalah seperti berikut, iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 50 orang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 50 orang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 50 orang, Universiti Putra Malaysia (UPM) 50 orang, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) 50 orang, Universiti Malaya (UM) 50 orang dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 50 orang.

Seterusnya, kajian ini pula adalah merupakan kajian model tahap 3 di mana pembinaan model baharu melibatkan Analisis Leksikologi Semantik “LEXICOLSEM” khusus dalam surah al-Hajj (الحج) rentetan daripada kajian di model

tahap 1 dan 2 yang telahpun dipatenkan pembinaannya, digunapakai, dan diperaku oleh tiga (3) orang pakar dari luar dan dalam negara.

2.4 Teori tentang Leksikologi dan Semantik

Terdapat beberapa cabang linguistik, antaranya seperti fonologi (kajian tentang corak bunyi pertuturan), morfologi (kajian pembentukan kata), sintaksis (kajian pembentukan frasa dan ayat), dan semantik (kajian mengenai makna dalam bahasa). Walau bagaimanapun, kajian ini adalah berkenaan leksikologi semantik iaitu mengenai makna dalam bahasa. Menurut Hurford (2007), semantik adalah kajian makna dalam bahasa, sedangkan hubungan leksikal menggambarkan hubungan antara makna perkataan.

Semantik adalah perkara utama dalam mengkaji bahasa. Merujuk kepada definisi semantik yang merupakan kajian makna dalam bahasa, yang mana penulis berpendapat bahawa dengan memahami secara mendalam mengenai semantik dapat mendorong kita berkomunikasi dengan baik dengan orang atau selain daripada manusia yang menggunakan bahasa yang sama atau bahkan dengan asal usul bahasa tersebut. Dalam kajian ini adalah bahasa Arab dalam surah al-Hajj yang mewakili bahasa Arab klasik.

Perkembangan teknologi yang pesat tidak akan terlepas dengan perkembangan bahasa. Teknologi yang semakin berkembang akan mendorongnya perkembangan bahasa, seperti munculnya leksikon-leksikon yang baharu dalam penggunaan bahasa.

Leksikon biasanya merujuk kepada senarai perkataan yang mempunyai maklumat tambahan seperti sebuah kamus. Perkataan 'leksikon' ini berasal daripada perkataan Yunani yang membawa maksud kosa kata (Taufiqurrochman, 2008).

Saeed (2000) menyatakan bahawa hubungan leksikal menggambarkan hubungan antara makna perkataan. Kajian ini menunjukkan bagaimana leksikon diuruskan dan bagaimana makna leksikal, item leksikal saling berkaitan antara satu sama lain. Terdapat beberapa jenis hubungan leksikal berdasarkan teori Saeed seperti homonim, polisemi, sinonim, antonim, hiponim dan meronim (Suminar, 2018). Teori Saeed digunakan untuk mengukur hubungan semantik dijelaskan dengan menggunakan teori semantik strukturalisme yang dikembangkan oleh Saeed (2000). Struktur semantik merupakan pendekatan strukturalisme yang dibawa ke dalam bidang semantik leksikal. Secara teori dan deskripsi struktur semantik muncul dengan rangkaian hubungan konsep makna strukturalisme. Saeed mengelompokkannya menjadi homonim, polisemi, sinonim, antonim, hiponim dan meronim (Suminar, 2018).

Pada masa ini, lebih ramai orang yang berminat untuk mengetahui kandungan al-Quran, terutamanya bagi orang bukan Islam, selepas tragedi 11 September 2011. Peristiwa 11 September 2001 merupakan peristiwa penting untuk bangsa Amerika dan peristiwa ini dianggap sebagai mitos sejarah. Kejadian hari itu dan yang mendahuluinya sebahagian besar tetap tidak diketahui dan kurang difahami oleh masyarakat umum. Oleh yang demikian, satu model lengkap yang dapat mewakili konsep surah al-Hajj (الحج) dalam al-Quran diperlukan agar masyarakat di seluruh dunia terutamanya dunia Islam lebih memahami kandungan ayat-ayat al-Quran khususnya surah al-Hajj (الحج) dalam kajian ini.

Dalam kajian linguistik, konsep ini disebut sebagai struktur mental, yang bergantung sepenuhnya pada hubungan antara wakil linguistik antara kata dan frasa. Walau bagaimanapun, yang boleh ditukar ganti hubungan (relational) boleh berlaku kerana kesamaan bahasa semula jadi yang wujud (Asma et al., 2021).

Maka, diperlukan suatu analisis untuk meningkatkan pemahaman kandungan surah al-Hajj (الحج) secara keseluruhan dengan membina satu model baharu LEXICOLSEM dalam surah al-Hajj (الحج). Justeru, penulis mencadangkan Analisis Model Baharu Leksikologi Semantik 'LEXICOLSEM' di dalam surah al-Hajj (الحج) berdasarkan gabungan Leksikologi Semantik Arab dan hubungan semantik antara perkataan, untuk mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج) dengan tepat.

2.5 Kajian Lepas

2.5.1 Perkembangan Semantik Bahasa Arab Modern dalam Perspektif Sintaksis dan Semantik pada Majalah Aljazeera

Bahasa Arab tergolong sebagai bahasa semantik yang memiliki struktur dan fonologi sama dengan bahasa yang lain pada rumpun yang sama. Bahasa Arab memiliki sejarah yang panjang semenjak abad ke-6 yang ditulis dari kiri ke kanan, seperti bahasa Kurdi, Persia, dan Urdu.

Bahasa Arab terdiri dari 28 abjad (alfabet) dan 34 fonem, yang dalam sebutan mahupun sistem morfologi dan sintaksis berbeza dengan bahasa Inggeris dan lainnya. Bahasa Arab moden memiliki perbezaan dengan bahasa Arab klasik dari sisi leksikal, fonologi, morfologi, dan sintaksis. Oleh karena itu, penelitian tentang perkembangan morfologi dan semantik bahasa Arab modern menjadi sangat penting (Abd-al-Rahman, 2012).

Encyclopedia of linguistics mendefinisikan semantik sebagai kajian terhadap makna, tanda dan representasi, baik secara mental mahupun linguistik. Tujuan akhir dari kajian semantik adalah membangun teori tentang erti dari suatu bahasa, dengan

kata lain ilmu semantik adalah ilmu yang mempelajari sistem tanda dalam bahasa yang dikenal sebagai ilmu *al-Dalâlah*. Makna merupakan kajian yang sangat penting dalam analisis bahasa, kerana bahasa merupakan tujuan akhir dari penutur untuk disampaikan kepada pendengar dan pembaca.

Menurut teori konteks, sistem semantik bahasa perlu saling berkaitan antara yang satu sama lain, sehingga bahasa tersebut akan selalu mengalami perubahan dan perkembangan. Oleh itu, untuk menentukan makna dalam suatu konteks perkataan, seperti dijelaskan Wittgenstein, makna suatu perkataan dipengaruhi oleh empat konteks, iaitu: konteks bahasa, konteks emosional, konteks situasi dan kondisi, dan konteks sosiobudaya. Jadi makna sebuah kosa kata, frasa, dan perkataan sangat ditentukan berdasarkan kepada empat konteks tersebut (Matsna, 2016).

Bahasa Arab itu merupakan bahasa dinamis (*lughât hayyah*), sehingga mengalami perubahan dari masa ke masa. Perubahan itu terjadi pada semua tataran linguistik, iaitu fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, dan leksikologi.

Secara semantik leksikalnya, bahasa Arab ini berkait dengan akar perkataan, kemudian akar tersebut dilakukan dengan menggunakan proses derivasi dengan cara menggandakan, menambah vokal panjang, menambahkan awalan (prefix) berupa konsonan atau kombinasi dari proses tersebut. Maksud dari akar tersebut adalah “asal kata”, sehingga dari asal kata tersebut melahirkan beberapa pola kata atau yang disebut dengan *wazan*, misalnya, “pesawat طائرة”, “burung طائر”, “terbang طير” lapangan terbang “مطار”. Jadi dapat disimpulkan bahawa akar yang merupakan asal sebuah perkataan yang mengalami perkembangan sehingga dari asal perkataan menghasilkan kata yang berbeza-beza dengan makna yang tentunya berbeza juga, dan ini yang

disebut dengan derivasi yang merupakan proses pembentukan perkataan baharu (Hidayatullah, 2010).

2.5.2 Mengekstrak Hubungan Semantik dari Bahasa Arab Al-Quran Berdasarkan Bahasa Arab Corak Konjungtif

Pada masa ini, ontologi yang ada hanya terhad untuk merangkumi bahagian-bahagian al-Quran atau jenis perkataan tertentu atau topik. Dalam makalah ini, kami telah memanfaatkan bahasa konjungtif Arab yang ada dalam tatabahasa Arab tradisional untuk mengekstrak jenis hubungan semantik yang berbeza dari seluruh al-Quran dan memperkaya pembinaan automatik ontologi al-Quran.

Dalam kajian ini (Rahima Bentrucia, Samir Zidat & Farhi Marir, 2018) ada menggunakan kaedah korelasi untuk mengukur kekuatan hubungan linear yang mungkin wujud antara setiap pasangan kata nama, kata nama asal, dan kata sifat yang membentuk kata hubung frasa.

Selanjutnya, kajian ini telah mencadangkan pengujian hipotesis dan ujian rintis t pelajar untuk melampaui peluang dan mengesahkan kepentingannya hubungan yang diekstrak. Kajian ini telah melancarkan tiga kisah hubungan semantik secara manual iaitu antonim, jantina dan kelas. Pada masa akan datang, ia dapat mengeksploitasi pengelas untuk melaksanakan tugas ini secara automatik.

Akhirnya, pengkaji menegaskan bahawa bidang kajian seperti ini memerlukan teknologi-teknologi selain pakar domain untuk menilai hasil yang dicapai.

2.5.3 Analisis Leksikografi dan Semantik Perkataan al-Kafur dalam al-Quran

Kajian literatur seterusnya diambil mengenai artikel bertajuk Analisis Leksikografi dan Semantik Perkataan al-Kafur dalam al-Quran. Artikel ini

membahaskan mengenai makna perkataan al-Kafur yang bermaksud tumbuh-tumbuhan. Selain perkataan al-Kafur ini, terdapat perkataan lain yang mempunyai struktur yang hampir sama dalam al-Quran iaitu perkataan كُفِّرَ.

Walaupun kedua-dua perkataan ini berasal dari kata dasar yang sama iaitu (ك-ف-ر) tetapi ia mempunyai maksud yang berbeza. Perkataan الكافر merujuk kepada maksud berkaitan dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T sama ada jenis tumbuh-tumbuhan, sifat tumbuh-tumbuhan, mata air atau pun nama anak sungai yang terdapat di dalam syurga. Manakala perkataan كُفِّرَ pula merujuk kepada maksud menutup. Orang yang tidak beriman dikenali sebagai orang kafir kerana iman mereka tertutup (Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram, 1996).

Perbincangan secara khusus berkaitan dengan analisis leksikografi perkataan al-Kafur dalam al-Quran tidak banyak dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini. Kebanyakan kajian yang dilakukan adalah berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam al-Quran yang menyentuh bidang saintifik tumbuh-tumbuhan, tumbuh-tumbuhan dan sains pertanian, tumbuh-tumbuhan dan sains perubatan, fiqh pertanian dan gaya bahasa dalam al-Quran. Kajian awal khusus berkaitan dengan dunia tumbuh-tumbuhan dalam kalangan masyarakat Arab dapat dilihat dalam buku bertajuk Kitab al-Nabat oleh Abu Hanifat yang diterbitkan pada tahun 1974. Buku ini merupakan hanya kandungan dua bab dari naskah manuskrip asal. Manuskrip lengkap naskah ini berjumlah enam bab telah hilang dari tamadun peradaban Arab. Naskah yang tinggal hanya bab tiga dan bab lima yang masih tersimpan di Pusat Manuskrip Universiti Istanbul Turki ('Abd al-Qadir, 1997).

Dapatan kajian diperolehi pada peringkat awal melalui teks yang dianalisis melalui analisis isi kandungan dalam bidang tafsir al-Quran, leksikografi Arab, Ulum Hadith, syair Arab, sains pertanian dan sains perubatan. Pada peringkat kedua, analisis perbandingan pula dilakukan antara data-data yang diperolehi dari tafsir-tafsir al-Quran, leksikografi Arab dan Ulum Hadith dengan data dari syair Arab, sains pertanian dan sains perubatan. Analisis perbandingan antara maksud yang diberikan oleh ahli leksikon Arab dan ahli tafsir dapat memberi rumusan berkaitan dengan maksud perkataan al-Kafur seperti yang digambarkan oleh al-Quran (Saipolbarin R., Nazri A., Zarima M. Z., Hairullfazli M. S. & Mohd Zaki A. R. , 2018).

2.5.4 Analisis Leksikal Dan Semantik Teks Suci Menggunakan Pembelajaran

Mesin Dan Memproses Bahasa Asli

Analisis teks adalah masalah yang mencabar kerana tidak tersusun format, kajian ini menumpukan pada pengekstrakan pengetahuan mengenai teks agama. Di sini dalam tinjauan literatur merangkumi beberapa kajian yang relevan untuk mencari dan mengekstrak maklumat dari pelbagai teks suci. Salha Hassan Muhammed et al melaksanakan pelbagai langkah persamaan untuk membandingkan Kitab dan al-Quran.

Mereka tidak dapat menyatakan persamaan jika hukuman itu dengan perkataan yang berbeza tetapi makna yang sama. Daripada semua ini kesamaan mengukur kesamaan kosinus dapat memberikan yang lebih baik hasil yang tepat dan mengukur tanpa mengira ukuran korpus.

Daniel Merrill McDonald (2014) menggunakan Peta Organisasi Sendiri (SOM) untuk pengekstrakan automatik dan pengkategorian kata nama dan kata kerja frasa dari sembilan Kitab Suci: Kitab Mormon, Perhimpunan Suci Besar, Perjanjian

Baharu, Perjanjian Lama, PopolVuh, al-Quran, Rig Veda, Tao TeChing, dan Taurat. SOM adalah neural berlapis dua algoritma rangkaian yang digunakan untuk pengurangan dimensi dan pengelompokan. Kajian ini mengekstrak kategori kata nama seperti Tuhan, haiwan, tumbuh-tumbuhan, bahagian badan dan sebagainya dan kategori kata kerja.

Azman Ta'a et al (2014) mengemukakan pemodelan ontologi yang dapat mengekstrak al-Quran dalam struktur mesin yang boleh dibaca dan diekstrak maklumat dari al-Quran dan perkembangan ontologi al-Quran. Aplikasi yang digunakan untuk mengekstrak pengetahuan menggunakan pendekatan pencarian semantik dan RDF / OWL, tetapi maju teknik seperti pembelajaran mesin dan pembelajaran mendalam dapat mendedahkan atau mengeluarkan hasil yang lebih tepat.

Mohamed Osman Hegazi (2018), mempersembahkan model yang membaca teks Arab dan menukar menjadi set data dalam bentuk catatan pangkalan data hubungan dan helaian elektronik menggunakan algoritma tetapi berusaha untuk memasukkan data atau hubungan pelbagai dimensi.

2.5.5 Membangun Instrumen Baharu Untuk al-Quran Memahami Kumpulan Orang Yang Berbeza

Memahami teks bacaan sama ada teks sastera, ilmiah atau agama memerlukan pengetahuan kandungan bahagian pembaca. Membaca al-Quran tidak luar biasa dan ia menjadi sumber rujukan utama untuk orang Islam. Oleh kerana kepentingannya, orang bukan Islam juga tertarik untuk membaca dan cuba memahaminya kandungan.

Selain mempunyai pengetahuan kandungan yang relevan, literatur telah menunjukkan bahawa ada faktor lain yang berkaitan yang menyumbang kepada

pemahaman seseorang. Dalam analisis semantik, enam komponen semantik pelbagai hubungan belum diterapkan. Semasa dalam sosio-linguistik, tiga asas pemboleh ubah belum dapat dikaji. Walaupun gabungan kedua-dua pendekatan ini tidak diterokai secara meluas.

Oleh itu, dicadangkan gabungan dua pendekatan ini untuk membuat yang baharu alat untuk memahami kandungan al-Quran untuk sekumpulan orang yang pelbagai. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kefahaman orang ketika membaca al-Quran.

Ia berdasarkan pada penemuan, diharapkan instrumen baharu untuk mengklasifikasikan masyarakat dapat dikembangkan dan pendekatan yang sesuai untuk setiap kumpulan dapat dirancang. Berdasarkan literatur ringkas, ada keperluan dan kemungkinan untuk menggabungkan analisis semantik dan pendekatan sosiolinguistik untuk mewujudkan model baharu, untuk memahami kandungan al-Quran.

Dari sudut sosiolinguistik, ada aspek baharu yang belum diterokai untuk ditawarkan peningkatan pemahaman al-Quran. Ia menggunakan tiga pemboleh ubah asas dalam memahami teks agama dalam kumpulan orang yang pelbagai dalam komuniti berbilang budaya dan agama. Umur, latar belakang pendidikan / pengetahuan seperti yang disarankan oleh Said Nursi dan agama. Analisis semantik di tangan akan membantu analisis sudut pandang responden untuk membezakan makna yang pelbagai dari yang betul menggunakan gabungan enam pelbagai hubungan antara perkataan, yang sinonim, antonim, hiperim, hiponim, holonim, dan meronim. Ini adalah usaha untuk memberikan tafsiran yang dapat diterima dan praktikal al-Quran mampu memahami pelbagai kumpulan orang di zaman moden ini yang

bersedia mengetahui tentang Islam dan membaca al-Quran sebagai teks teologi Islam. Oleh itu, kami mencadangkan model baharu untuk memahami kandungan al-Quran menggunakan gabungan analisis semantik dan sosiolinguistik pendekatan. Tetapi, dalam artikel khusus ini, kami mengesahkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen baharu untuk menentukan kefahaman al-Quran di antara sekumpulan orang yang pelbagai.

Kajian ini bertujuan untuk memahami faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada pemahaman al-Quran di antara pelbagai kumpulan orang. Berdasarkan analisis deskriptif terhadap faktor-faktor di atas, dapat disimpulkan bahawa pemahaman, amalan agama, kepercayaan, literasi bahasa dan gaya pembelajaran domain boleh menyumbang untuk memahami al-Quran di antara pelbagai kumpulan orang. Untuk menjawab persoalan apa yang menyumbang ke arah pemahaman al-Quran, secara statistik adalah penting bahawa pemahaman, amalan agama, kepercayaan, literasi bahasa dan domain gaya pembelajaran menyumbang kepada pemahaman al-Quran. Oleh itu, dengan keupayaan untuk mengklasifikasikan pelbagai kumpulan orang, dipercayai bahawa pendekatan yang lebih sesuai untuk memahami al-Quran boleh dirancang untuk disesuaikan dengan kumpulan orang tertentu.

2.5.6 Analisis Morfo-Semantik Penggunaan Istilah Berbahasa Arab dalam Jejaring Sosial Instagram

Morfologi merupakan bidang linguistik yang mempelajari morfem dan kombinasi-kombinasinya. Morfologi membahas tentang proses pembentukan kata dan perubahannya ke dalam berbagai bentuk lain. Kajian morfologi dalam bahasa Arab dikenal dengan nama *'ilmu al-sharfi*.

Pembentukan kata dalam proses morfologi selalu diikuti perubahan yang mengakibatkan timbulnya kelas kata baru yang disebut proses morfologi secara derivasi, dan juga proses morfologi secara infleksi iaitu perubahan yang tidak mengakibatkan timbulnya kelas kata baru.

Dalam bahasa Arab, proses morfologi terjadi dengan penambahan *intern*, perubahan *intern*, atau pengubahsuaian *intern*. Contoh *ب/ ktb/* dapat dibentuk menjadi *كُتِبَ /kataba/*. Dalam penelitian ini, analisis morfologi akan lebih mengkaji proses leksem-leksem bahasa Arab yang ada dalam aplikasi instagram.

Proses morfologi tidak hanya menghasilkan bentuk baru melainkan juga memperoleh makna baru yang disebut makna gramatikal, sedangkan makna semula adalah makna leksikal. Pemaknaan tersebut dikaji dalam ilmu tentang makna iaitu semantik.

Semantik adalah ilmu bahasa yang mempelajari makna suatu kata. Apabila digabungkan antara morfologi dan semantik maka terbentuklah morfo-semantik iaitu penggabungan sub disiplin ilmu linguistik morfologi dan semantik yang menggunakan morfologi sebagai dasar pengambilan makna semantik. Dalam morfo-semantik selain mengubah bangunan kata juga berimplikasi pada perubahan makna yang dihasilkan dari proses morfologi.

2.5.7 Paradigma Strukturalisme Bahasa: Fonologi, Morfologi, Sintaksis, dan Semantik

Bahasa sebagai alat komunikasi yang tidak dapat dipisahkan dari nilai dan bentuk akan menjadi kajian panjang apabila diteliti dari strukturnya. Kajian ini menjabarkan bahawa dalam bahasa terdapat struktur yang menjadi bagian dari studi

linguistik yang banyak cabangnya. Pengkajian lebih terperinci terkait tahapan mulai dasar hingga akhirnya suatu struktur bahasa menjadi bidang kajian ilmu linguistik; fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik.

Pertamanya, fonologi adalah bidang keilmuan yang membahas tentang bunyi-bunyi bahasa dan fungsinya. Keduanya, morfologi adalah bidang keilmuan linguistik yang membahas tentang seluk-beluk kata dan proses perubahannya. Ketiganya, sintaksis adalah bidang keilmuan linguistik yang membahas tentang susunan kata dan kelompok kata yang membentuk frasa, klausa, kalimat maupun wacana. Keempat, semantik adalah bidang keilmuan linguistik yang membahas tentang makna ungkapan bahasa atau makna dari hubungan antara kata yang membentuk frasa, klausa, kalimat maupun wacana.

2.5.8 Kajian Semasa Pendekatan Ontologi Al-Quran dan LSA Bahasa Semantik

Keunikan bahasa Arab Semantik menjadikan gabungan dengan *Latent Semantic Analysis* (LSA) dan ontologi lebih banyak signifikan untuk mengekstrak konsep al-Quran. Secara amnya, LSA cuba mengungkap hubungan konseptual yang tersembunyi antara kata dan frasa berdasarkan corak penggunaan linguistik. Biasanya ia akan dipaparkan dalam struktur taksonomi yang terdiri daripada kata hierarki dan hubungannya, seperti sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim, meronim (anggota, bahan, dan bahagian), keterlibatan, sebab, atribut, dan kesamaan. LSA mempunyai pelbagai kegunaan dalam pelbagai bidang seperti instrumen ringkasan teks dan ringkasan penilaian (Steinberger & Ježek, 2004).

Kajian literasi seterusnya merujuk kepada penggunaan ontologi al-Quran bertujuan untuk memberikan pengetahuan yang menyeluruh mengenai al-Quran dan

meningkatkan prestasi sistem pencarian maklumat yang bergantung pada teks al-Quran.

Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan dalam ontologi yang berkaitan dengan bahasa Arab al-Quran kerana kompleks struktur morfologi bahasa Arab dan kekurangan alat dan sumber yang menyokongnya.

Secara amnya, LSA mempunyai pelbagai kegunaan dalam pelbagai bidang seperti *Term Prediction and Instrument* (Zhao & Callan, 2010). Dalam kajian semasa ini, kajian ini menggunakan pendekatan ontologi al-Quran dan LSA bahasa semantik dengan menggabungkan pelbagai hubungan antara perkataan dengan membina tiga hubungan.

Walau bagaimanapun, LSA mempunyai batasan seperti kesukaran dalam membezakan hubungan halus antara leksikal semantik, sinonim, antonim dan hipernim. Disebabkan batasan itu, beberapa kajian telah dilakukan untuk mengatasi kelemahan LSA ini dengan memperkenalkan pengertian *polarity*. Kajian LSA baru-baru ini menggabungkan pelbagai hubungan antara perkataan dengan membina tiga hubungan iaitu dikenali sebagai *Multi-Relational Latent Semantic Analysis* menggunakan sinonim, antonim dan hipernim (Rahman, Pengajian Linguistik, 2003-2007,2012,2017,2018).

(1) قواعد الحذف Deletion المراد به حذف عنصر من عناصر الجملة لغرض ما. فالرموز المشيرة إلى ذلك كالآتي:

$$a \rightarrow b/a \quad \text{أ} \leftarrow \text{ب} / \text{أ} / \text{ب}$$

(2) قواعد الإحلال Replacement المراد به إبدال عنصر بعنصر آخر، وقد يكون إبدال كلمة بكلمة، وإبدال محل بمحل. فالرموز المشيرة إلى ذلك كالآتي:

$$a \rightarrow b \quad \text{أ} \leftarrow \text{ب}$$

(3) قواعد التوسع (التمدد) Expansion المراد به تمديد أو توسيع جملة بطرف من أطراف البنية اللغوية. فالرموز المشيرة إلى ذلك كالآتي: وهذا يكون غالبا بإضافة عبارة إلى جملة لإطالتها. فمثال: $a \rightarrow b+c$ $\text{أ} \leftarrow \text{ب} + \text{ج}$

(4) قواعد الزيادة Addition المراد به إضافة عنصر جديد إلى المسند أو المسند إليه مع الحفاظ على المعنى أو المقصود الأصلي. فالرموز المشيرة إلى ذلك كالآتي: وهذا يكون غالبا بإضافة نعت أو توابع أخرى أو أدوات مثل؛ إن وأخواتها، وكان وأخواتها، ولام التوكيد، وهلم جرا إلى جملة كاملة. ولما نلاحظ أن قواعد التوسع (التمدد) وقواعد الزيادة متقاربة. فأما قواعد التوسع لأجل تكوين الجملة واسعة الأركان. وأما قواعد الزيادة فإنها تنتم كثيرا بالحفاظ على المعنى الأصلي، بالإضافة لا تكون مغيرة للجملة.

Rajah 2.1: Model Tahap 1 Analisis formula LEXICOLSEM Latent Multi-Relasional oleh Asma Abdul Rahman, 2020 - 2023


Model tahap 1 di atas mengekod data mentah dalam tensor iaitu objek yang serupa dengan matematik tetapi lebih umum daripada vektor, diwakili oleh tatasusunan komponen yang merupakan fungsi koordinat ruang. 3-arah untuk mengekod hubungan pelbagai kata, yang sinonim, antonim dan hipernim. Setiap potongan mengenalpasti hubungan tertentu dalam format.

Walaupun kajian ini cuba meneroka akses maklumat berdasarkan konsep melalui pendekatan ontologi dan LSA mengenai bahasa semula jadi (Ozcan, R., & Aslandogan, Y. A., 2004) itu belum dilakukan dalam al-Quran, yang mewakili bentuk bahasa Arab klasik yang paling murni dan paling sahih (Rahman, A'liyat Tahlil al-Nass al-Qurani al-Lughawwy: Dirasah Lughawiyah Dalaliyyah (Formula Book), 2007-2017).

Kajian yang ada ini menunjukkan dua jenis pendekatan dalam mengekstrak hubungan Semantik dari bahasa Arab al-Quran berdasarkan pendekatan leksikal semantik. Pertama, pendekatan tradisional yang berdasarkan bahasa Arab Corak Konjungtif yang dilakukan oleh (Rahima Bentrucia, Samir Zidat & Farhi Marir, 2018) yang menggunakan kaedah korelasi untuk mengukur kekuatan hubungan linear yang mungkin wujud antara setiap pasangan kata nama, kata nama betul, dan kata sifat yang membentuk kata hubung frasa.

Kedua, pendekatan moden berdasarkan kepada sumber bahasa Arab yang berwibawa dan kaya, iaitu al-Quran. Kajian ini menggunakan Leksikografi dan Semantik dalam Perkataan al-Kafur dalam al-Quran (Saipolbarin R., Nazri A., Zarima M. Z., Hairullfazli M. S. & Mohd Zaki A. R., 2018). Kajian ini memfokuskan

terutamanya pada kata nama dari medan semantik pada perkataan "al-kafur" yang mempunyai pelbagai makna melalui analisis teks dan analisis perbandingan. Namun, kajian-kajian ini masih boleh dibuat penambahbaikan dan diperluaskan lagi analisis terutamanya dalam setiap surah-surah di dalam al-Quran dan dalam pelbagai perkataan bahasa Arab yang dicatat dalam al-Quran bagi mengembangkan lagi era teknologi linguistik bahasa khususnya dalam bahasa Arab al-Quran di masa akan datang. Pemilihan surah al-Hajj ini adalah yang terbaik memandangkan surah al-Hajj ini merupakan surah yang cukup panjang dan mempunyai makna yang cukup jelas berhubung dengan Sains Islam.




Rajah 2.2: Tahap 1 Model LEXICOLSEM dalam Ontologi Al-Quran oleh Asma Abdul Rahman, 2020-2023

Dalam model di atas, dimensi semantik perlu ditentukan, dan kemudian perkataan akan disusun menjadi klasifikasi hierarki dengan konsep umum di bahagian atas, dan khusus di bahagian bawah. Perkataan dalam hierarki dikaitkan dengan komponen melalui hubungan ontologi. Struktur klasifikasi ontologi ini membayangkan bahawa perkataan yang lebih dalam bergerak ke dalam hierarki, semakin banyak argumen yang dirumuskan oleh formula komponen, maka semakin menyempitlah maknanya. Sebaliknya, kata-kata pada tahap yang lebih tinggi

mempunyai hujah yang lebih sedikit dalam formula komponennya, dan oleh itu maknanya semakin luas. Model ini bagaimanapun tidak merangkumi akar kata yang sesuai dengan bahasa Arab.

Seterusnya model mengekstrak konsep al-Quran dari pelbagai hubungan antara perkataan oleh cendekiawan sebelum ini, Asma Abdul Rahman, 2020-2023.



Rajah 2.3: Model Tahap 1 iaitu mengekstrak konsep LEXICOLSEM al-Quran dari pelbagai hubungan antara perkataan oleh Asma Abdul Rahman, 2020-2023

أَيْحَسِبُ الْإِنْسَانُ أَنْ يَجْمَعَ عِظَامَهُ.	
البنية العميقة	أَيْحَسِبُ الْإِنْسَانَ الْكَافِرَ أَنْ يَقْدِرَ عَلَى جَمْعِ عِظَامِ الْإِنْسَانِ.
←	أَيْحَسِبُ الْإِنْسَانَ الْكَافِرَ أَنْ يَقْدِرَ عَلَى جَمْعِ عِظَامِ الْإِنْسَانِ.
الحذف	أَيْحَسِبُ الْإِنْسَانُ أَنْ يَجْمَعَ عِظَامَ الْإِنْسَانِ.
←	أَيْحَسِبُ الْإِنْسَانَ الْكَافِرَ أَنْ يَقْدِرَ عَلَى جَمْعِ عِظَامِ الْإِنْسَانِ.
الحذف والإحلال	أَيْحَسِبُ الْإِنْسَانُ أَنْ يَجْمَعَ عِظَامَ الْإِنْسَانِ.
←	أَيْحَسِبُ الْإِنْسَانَ الْكَافِرَ أَنْ يَقْدِرَ عَلَى جَمْعِ عِظَامِ الْإِنْسَانِ.
النسخ	أَيْحَسِبُ الْإِنْسَانُ أَنْ يَجْمَعَ عِظَامَ الْإِنْسَانِ.
←	أَيْحَسِبُ الْإِنْسَانَ الْكَافِرَ أَنْ يَقْدِرَ عَلَى جَمْعِ عِظَامِ الْإِنْسَانِ.
البنية السطحية	أَيْحَسِبُ الْإِنْسَانَ الْكَافِرَ أَنْ يَقْدِرَ عَلَى جَمْعِ عِظَامِهِ.

Rajah 2.4: Contoh model tahap 2 yang dicadangkan dalam menggunakan LEXICOLSEM untuk mengekstrak konsep al-Quran mengambil konsep al-Quran LEXICOLSEM dari pelbagai hubungan antara struktur ayat oleh Asma Abdul Rahman, 2020-2023

2.6 Penutup

Secara ringkasnya, kajian ini mengkaji lapan (8) topik penting iaitu Perkembangan Semantik Bahasa Arab Modern dalam Perspektif Sintaksis dan Semantik pada Majalah Aljazeera, Mengekstrak Hubungan Semantik dari Bahasa Arab Al-Quran Berdasarkan Bahasa Arab Corak Konjungtif, Analisis Leksikografi dan Semantik Perkataan al-Kafur dalam al-Quran, Analisis Leksikal Dan Semantik Teks Suci Menggunakan Pembelajaran Mesin Dan bahasa Asli Memproses, Membangun Instrumen Baharu Untuk al-Quran Memahami Kumpulan Orang Yang Berbeza, Analisis Morfo-Semantik Penggunaan Istilah Berbahasa Arab dalam Jejaring Sosial Instagram, Paradigma Strukturalisme Bahasa: Fonologi, Morfologi, Sintaksis, dan Semantik, dan Kajian Semasa Pendekatan Ontologi al-Quran dan LSA Bahasa Semantik.

Literatur yang ada menunjukkan bahawa penambahbaikan perlu dilaksanakan dalam mengekstrak konsep al-Quran kerana aspek Leksikologi Semantik Arab dan hubungan semantik dengan perkataan tidak digunakan sepenuhnya. Oleh itu, untuk menambahbaik kajian ini, maka penulis mencadangkan model baharu dalam mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج) berdasarkan Analisis Semantik Leksikologi (LEXICOLSEM), dengan gabungan hubungan antara perkataan, yang sinonim, antonim, hipernim, hiponim, holonim dan meronim.